



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
NEGERI PERAK**

**PEPERIKSAAN PENILAIAN BERSAMA
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2008
PRINSIP PERAKAUNAN**

Kertas 1
September

3756/1

1½ jam **Satu jam lima belas minit**

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi 40 soalan.*
2. *Jawab semua soalan.*
3. *Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan iaitu A, B, C dan D. Bagi setiap soalan, pilih satu jawapan sahaja. Hitamkan jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.*
4. *Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baru.*
5. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*

Kertas soalan ini mengandungi 15 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

1. Mengikut konsep P, penggunaan prinsip perakaunan seharusnya tidak berubah dari satu tempoh ke satu tempoh perakaunan yang lain.

P merujuk kepada konsep

- A ketekalan
- B materialiti
- C kos sejarah
- D tempoh perakaunan

2. Perakaunan merupakan proses

- A merekod urus niaga yang melibatkan tunai.
- B merekod urus niaga secara sistematik dalam buku perakaunan.
- C mengelas, merekod, mentafsir, melapor dan menganalisis maklumat kewangan.
- D mengenal pasti dan merekod urus niaga harian secara sistematik mengikut sistem catatan bergu.

3. Perniagaan berikut didaftarkan di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 **kecuali**

- A Asia Jaya Berhad.
- B Pasar Mini Aneka.
- C Kedai Runcit Salman.
- D Firma Guaman Raja dan Rakan-Rakan.

4. Antara berikut, yang manakah dikelaskan sebagai liabiliti?

- I Pinjaman bank
- II Sewa diterima terakru
- III Hutang lapuk terpulih
- IV Komisen diterima terdahulu

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III.
- D III dan IV

5. Berikut ialah petikan Akaun Perdagangan Kedai Runcit Chong.

Akaun Perdagangan bagi tahun berakhir 31 Julai 2009			
	RM		RM
Belian	18 200	Jualan	28 900
Stok awal	5 320		
X	23 520		
Tolak Stok akhir	6 430		
	17 090		

Apakah X?

- A Kos jualan
 - B Untung kasar
 - C Untung bersih
 - D Kos barang untuk dijual
6. Puan Shifa, pemilik Butik Anggun Solo telah menjelaskan pinjaman bank sebanyak RM15 000 dengan cek.
- Apakah kesan urus niaga tersebut ke atas Kunci Kira-kira?
- A Aset dan liabiliti bertambah
 - B Aset dan liabiliti berkurang
 - C Aset bertambah dan liabiliti berkurang
 - D Aset berkurang dan liabiliti bertambah
7. Perkataan ‘Angkutan dibayar’ yang tercatat dalam invois bermaksud
- A kos angkutan ditanggung oleh pembekal.
 - B kos angkutan perlu dijelaskan oleh pembeli.
 - C amaun belian barang tidak termasuk belanja angkutan.
 - D pembekal menguruskan proses pengangkutan barang ke kedai pembeli.
8. Seorang pelanggan Kedai Runcit Ravi memulangkan barang rosak. Apakah dokumen yang perlu dihantar oleh tuan punya kedai kepada pelanggan tersebut?
- A Memo
 - B Nota kredit
 - C Nota serahan
 - D Penyata akaun

9. Maklumat berikut berkaitan dengan satu dokumen.

Merupakan bil perintah bertulis yang mengarahkan bank untuk menjelaskan sejumlah wang yang dinyatakan kepada penama.

Dokumen di atas merujuk kepada

- A makluman debit
- B bil tunai
- C resit
- D cek

10. Urus niaga berikut diambil daripada buku Pasar Mini Mimi.

2009

- | | |
|-------|---|
| Jan 1 | Hantar invois berjumlah RM2 400 pada harga senarai, kurang diskaun niaga 10%. |
| 4 | Jualan barang niaga RM1 800 dan terima cek. |
| 6 | Koperasi Pemuda Taman Ihsan membeli barang niaga berjumlah RM600 secara kredit. |
| 12 | Beli stok berjumlah RM450 secara tunai. |

Berapakah jualan kredit?

- A RM2 610
- B RM2 760
- C RM3 000
- D RM4 560

11. Urus niaga berikut diambil daripada buku Pernjagaan Cergas.

- I Jualan stok kepada Kedai Hakim.
 - II Jualan perabot terpakai secara kredit
 - III Barang rosak yang dipulangkan oleh pelanggan
 - IV Nota debit yang dihantar kepada pembeli kerana terkurang caj

Pilih urus niaga yang direkodkan dalam Jurnal Jualan.

- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

12. Jurnal Pulangan Belian berikut diambil daripada buku seorang peniaga.

Jurnal Pulangan Belian		
Tarikh	Butir	Amaun
2009		RM
Apr 10	Pembekal Teck Fatt	230
15	Syarikat Jeeva	160
30	Y	390

Apakah Y?

- A Akaun Pemiutang
 - B Jumlah Pemiutang
 - C Jumlah Jurnal Pulangan
 - D Akaun Pulangan Belian

- 13 Dokumen berikut diambil daripada buku Kedai Perabot Gaya.

ASAL	A 1034																		
PERNIAGAAN KOMPUTER SIBER 40 PLAZA MEGA 32000 KAMPAR 05-4772351																			
INVOIS																			
Tarikh: 7 Mac 2009																			
Kepada Kedai Perabot Gaya 25 Jalan Besar 31700 Malim Nawar Perak																			
<table border="1" style="width: 100%; border-collapse: collapse;"> <thead> <tr> <th>KUANTITI</th> <th>BUTIR</th> <th>HARGA SEUNIT (RM)</th> <th>JUMLAH (RM)</th> </tr> </thead> <tbody> <tr> <td>1 unit</td> <td>Komputer Axer 3120</td> <td>3 500.00</td> <td>3 500.00</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Tolak:Diskaun niaga 20%</td> <td></td> <td>700.00</td> </tr> <tr> <td></td> <td>Jumlah</td> <td></td> <td>2 800.00</td> </tr> </tbody> </table>				KUANTITI	BUTIR	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)	1 unit	Komputer Axer 3120	3 500.00	3 500.00		Tolak:Diskaun niaga 20%		700.00		Jumlah		2 800.00
KUANTITI	BUTIR	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)																
1 unit	Komputer Axer 3120	3 500.00	3 500.00																
	Tolak:Diskaun niaga 20%		700.00																
	Jumlah		2 800.00																
(Ringgit: Dua ribu lapan ratus sahaja)																			
Syarat: 10% 7 hari Serahan : Angkutan dibayar K.&K.di.K.																			
<i>Gaya</i> Penerima		<i>Jamil</i> Pengurus																	

Namakan Buku Catatan Pertama yang digunakan oleh Kedai Perabot Gaya untuk merekod urus niaga di atas?

- A Jurnal Jualan
- B Jurnal Belian
- C Buku Tunai
- D Jurnal Am

14. Puan Nisha membeli alat tulis RM320 daripada Kedai Alat Tulis Chun untuk kegunaan pejabat.

Apakah akaun yang terlibat bagi urus niaga tersebut di dalam buku perniagaan Puan Nisha?

	Akaun didebit	Akaun dikredit
A	Belian	Kedai Alat Tulis Chun
B	Kedai Alat Tulis Chun	Belian
C	Alat tulis	Kedai Alat Tulis Chun
D	Kedai Alat Tulis Chun	Alat tulis

15. Imbangan Duga Kedai Runcit Azri mengandungi beberapa kesilapan:

Imbangan Duga Pada 30 September 2009

Butir	Debit RM	Kredit RM
Jualan		20 350
Belian	12 520	
Stok awal	6 590	
Angkutan keluar		345
Pulangan jualan		170
Insurans	960	
Diskaun diterima		330
Hutang lapuk terpulih	710	
Pembiutang		2 540
Gaji	3 600	
Pinjaman	5 000	
Lengkapan	4 745	

Berapakah jumlah Imbangan Duga setelah kesilapan dibetulkan?

- A RM32 870
 B RM32 650
 C RM29 890
 D RM28 930

16. Tahun kewangan Perniagaan Ikhwan berakhir pada 31 Disember 2008. Berikut ialah maklumat berkaitan dengan sewa yang telah dibayar.

2008		RM
Jan 1	Sewa terakru	300
Dis 31	Sewa terdahulu	600

Sepanjang tahun 2008, peniaga telah membayar sewa kedai berjumlah RM3 300.

Pilih Akaun Sewa yang betul bagi merekodkan maklumat di atas.

A

Akaun Sewa

2008	RM	2008	RM
Dis 31 Akaun Untung Rugi	3 300	Jan 1 Baki b/b	300
		Dis 31 Bank	2 400
		Baki h/b	600
	<u>3 300</u>		<u>3 300</u>

B

Akaun Sewa

2008	RM	2008	RM
Jan 1 Baki b/b	300	Dis 31 Akaun Untung Rugi	3 300
Dis 31 Bank	2 400		
Baki h/b	600		
	<u>3 300</u>		<u>3 300</u>

C

Akaun Sewa

2008	RM	2008	RM
Jan 1 Baki b/b	300	Dis 31 Bank	3 300
Dis 31 Akaun Untung Rugi	2 400		
Baki h/b	600		
	<u>3 300</u>		<u>3 300</u>

D

Akaun Sewa

2008	RM	2008	RM
Dis 31 Bank	3 300	Jan 1 Baki b/b	300
		Dis 31 Akaun Untung Rugi	2 400
		Baki h/b	600
	<u>3 300</u>		<u>3 300</u>

17. Maklumat berikut diambil daripada petikan Imbangan Duga Perniagaan Shima pada 30 Jun 2009.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2008

Butir	Debit RM	Kredit RM
Penghutang	12 400	
Hutang lapuk	240	

Pada 30 Jun 2008, peruntukan hutang ragu diwujudkan pada kadar 5 % atas penghutang.

Apakah kesan urus niaga di atas?

- A Untung kasar berkurang sebanyak RM608.
 B Untung kasar bertambah sebanyak RM608.
 C Untung bersih berkurang sebanyak RM620.
 D Untung bersih bertambah sebanyak RM620.

18. Antara berikut, yang manakah **benar** mengenai hutang lapuk?

- I Hutang lapuk merugikan perniagaan
 II Hutang lapuk dianggarkan pada akhir tahun kewangan
 III Hutang lapuk berlaku apabila penghutang melarikan diri
 IV Hutang lapuk direkod di sebelah kredit Akaun Untung Rugi
 A I dan III
 B I dan IV
 C II dan III
 D III dan IV

19. Maklumat berikut berkaitan dengan mesin yang dibeli oleh Syarikat Percetakan Intan.

Kos mesin	RM 45 000
Nilai skrap	RM 5 000
Usia guna	10 tahun

Hitung nilai buku mesin itu selepas 4 tahun.

- A RM29 000
 B RM33 000
 C RM40 000
 D RM41 000
20. Pada 31 September 2009, Syarikat Perladangan Hijau melupuskan sebuah jentera. Antara berikut, akaun apakah yang perlu disediakan bagi menghitung untung atau rugi atas pelupusan jentera tersebut?
- A Akaun Jentera
 B Akaun Untung Rugi
 C Akaun Pelupusan Jentera
 D Akaun Untung atau Rugi Atas Pelupusan Jentera

21. Data berikut diambil daripada buku sebuah perniagaan pada bulan Oktober 2009.

	RM
Baki awal penghutang	7 690
Baki akhir penghutang	8 120
Tunai diterima daripada penghutang	25 000
Jualan tunai	8 280
Pulangan jualan	220
Hutang lapuk	340

Hitung jumlah jualan bagi bulan Oktober 2009.

- A RM25 590
- B RM25 990
- C RM33 280
- D RM34 270

22. Belian tunai sebanyak RM420 telah direkodkan sebagai RM240.

Bagaimana kesilapan ini dibetulkan dalam Jurnal Am?

	Butir	Debit (RM)	Kredit (RM)
A	Belian Tunai	180	180
B	Tunai Belian	180	180
C	Belian Tunai	420	420
D	Tunai Belian	420	420

23. Antara berikut, yang manakah direkod di sebelah kredit Penyata Bank?

- A Buku cek
- B Cek tak laku
- C Perintah sedia ada
- D Faedah atas simpanan

24. Antara berikut, yang manakah **bukan** sumber aliran masuk tunai?

- A Jualan tunai
- B Ambilan tunai
- C Pinjaman bank
- D Kutipan daripada penghutang

25. Antara berikut, yang manakah benar mengenai perkongsian yang tidak menandatangani Ikatan Perkongsian?

- A Untung atau rugi secara sama rata
- B Gaji pekongsi dibayar kepada pekongsi aktif
- C Faedah 10 % dibayar atas pinjaman pekongsi
- D Faedah atas modal dibayar atas sumbangan modal

26. Tempoh perakaunan firma Perkongsian KAMI berakhir pada 31 Disember 2008. Ambilan pekongsi sepanjang tahun adalah seperti berikut:

	April (RM)	Oktober (RM)
Din	960	
Nita	1 200	360

Faedah atas ambilan ialah 10 % setahun.

Hitung faedah atas ambilan setiap pekongsi.

	Din (RM)	Nita (RM)
A	96	99
B	96	156
C	72	99
D	72	156

27. Antara berikut, yang manakah **tidak** direkod dalam Akaun Pengasingan Untung Rugi?

- A Elaun pekongsi
- B Faedah atas modal
- C Faedah atas ambilan
- D Faedah atas pinjaman pekongsi

28. Apakah yang menyebabkan berlaku kurangan dalam Akaun Modal Pekongsi?

- I Pekongsi mempunyai untung realisasi
 - II Pekongsi membuat ambilan yang tinggi
 - III Sumbangan modal pekongsi yang banyak
 - IV Nilai aset yang diambil alih oleh pekongsi terlalu tinggi
- A I dan II
 - B I dan III
 - C II dan IV
 - D III dan IV

29. Modal yang dinyatakan dalam Tatawujud Syarikat ialah
- modal berdaftar
 - modal berbayar
 - modal diterbitkan
 - modal belum diterbitkan
30. Maklumat-maklumat berikut diperoleh daripada salah satu dokumen syarikat berhad.
- Aturcara mesyuarat agung
 - Hak mengundi
 - Cara pindah milik saham
 - Tugas, hak dan kuasa lembaga pengarah

Dokumen tersebut ialah

- Tataurus syarikat
 - Tatawujud syarikat
 - Prospektus syarikat
 - Sijil saham syarikat
31. Syarikat Mas Murni Berhad mempunyai modal berdaftar seperti berikut:

5 000 000 saham biasa, RM1 sesaham
 2 000 000 6% saham keutamaan, RM3 sesaham

Syarikat itu telah menerbitkan kesemua saham keutamaan dan saham biasa. Semua saham itu telah dipohon beli dan dibayar sepenuhnya.

Bagi tahun berakhir 31 Disember 2008 syarikat itu telah memperoleh keuntungan yang cukup untuk membayar dividen saham keutamaan dan 10 % dividen atas saham biasa.

Hitung jumlah dividen saham biasa.

- RM120 000
 - RM360 000
 - RM500 000
 - RM1 500 000
32. Yuran terdahulu kelab pada tarikh akhir perakaunan akan ditunjukkan dalam Kunci Kira-kira sebagai
- Aset semasa
 - Liabiliti semasa
 - Aset bukan semasa
 - Liabiliti bukan semasa

33. Antara berikut, yang manakah akan dikredit dalam Akaun Penerimaan dan Perbelanjaan sesebuah kelab?

- I Honorarium
 - II Insurans kelab
 - III Kutipan derma
 - IV Yuran pertandingan
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

34. Berikut ialah maklumat yuran yang diambil daripada buku Kelab Rekreasi Taman Inai.

	RM
Yuran tertunggak pada 1 Oktober 2008	500
Yuran tertunggak pada 30 September 2009	250
Yuran terdahulu pada 30 September 2009	400
Jumlah yuran diterima sepanjang tahun	
kewangan berakhir 30 September 2009	12 900

Hitung yuran yang akan direkod dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 30 September 2009.

- A RM11 750
 - B RM12 000
 - C RM12 250
 - D RM13 550
35. Antara berikut, yang manakah akan mengurangkan dana terkumpul sesebuah kelab?
- A Lebihan pendapatan
 - B Kurangan pendapatan
 - C Yuran ahli yang tertunggak
 - D Yuran masuk yang dipermodalkan

36. Encik Tan, pemilik Kedai Runcit Keluarga mengamalkan sistem rekod tidak lengkap. Berikut adalah aset dan liabiliti Kedai Runcit Keluarga pada 30 Jun 2009.

	RM
Stok	12 450
Tunai di bank	10 760
Penghutang	8 500
Pembiutang	9 420
Lengkapan kedai	6 500
Gaji terakru	240

Maklumat tambahan:

Peruntukan hutang rugu diwujudkan pada kadar 5 % atas penghutang.

Hitung modal pada 30 Jun 2009

- A RM20 290
- B RM22 290
- C RM24 970
- D RM28 125

37. Antara berikut, yang manakah rumus bagi menghitung kos prima?

- A Kos prima = kos bahan mentah + buruh langsung + kos overhed
- B Kos prima = kos bahan mentah + buruh langsung - kos overhed
- C Kos prima = kos bahan mentah + buruh langsung + belanja langsung
- D Kos prima = kos bahan mentah + buruh langsung - belanja langsung

38. Data di bawah diambil daripada sebuah kilang pasu pada 30 Jun 2009.

	RM
Kos bahan mentah digunakan	43 200
Kos overhed	25 120
Buruh langsung	10 860
Jualan pasu	240 220
Barang separuh siap awal	11 340
Barang separuh siap akhir	10 690

Hitung kos pengeluaran pasu.

- A RM79 180
- B RM79 830
- C RM89 870
- D RM90 520

39. Berikut ialah kos dan harga yang berkaitan dengan pengeluaran seunit produk S.

	RM
Harga jualan seunit	10
Kos bahan mentah	4
Upah langsung seunit	2
Kos tetap	12 000

Hitung titik pulang modal pengeluaran tersebut.

- A 1 000 unit
- B 2 000 unit
- C 3 000 unit
- D 6 000 unit

40. Maklumat berikut dipetik daripada buku Kedai Runcit Seng Lee pada 31 Disember 2008.

	RM
Belanja perniagaan	3 400
Bank	4 125
Stok pada 31 Disember 2008	4 950
Penghutang	3 300
Modal pada 1 Januari 2008	27 500
Untung kasar bagi tahun 2008	8 900

Hitung pulangan atas modal.

- A 12 %
- B 15 %
- C 18 %
- D 20 %

KERTAS SOALAN TAMAT



**PEPERIKSAAN PERCUBAAN
NEGERI PERAK**

**PEPERIKSAAN PENILAIAN BERSAMA
SIJIL PELAJARAN MALAYSIA 2009**

3756/2

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 2

September

$2\frac{1}{2}$ jam

Dua jam tiga puluh minit

JANGAN BUKA KERTAS SOALAN INI SEHINGGA DIBERITAHU

1. *Kertas soalan ini mengandungi dua bahagian: Bahagian A dan Bahagian B.*
2. *Jawab semua soalan di Bahagian A dan satu soalan di Bahagian B.*
3. *Tulis jawapan anda pada Kertas Helaian Tambahan yang dibekalkan oleh pengawas peperiksaan.*
4. *Bersama-sama dengan kertas soalan ini, calon diberi alat tulis perakaunan berikut:*

<i>Buku Tunai Tiga Ruangan</i>	<i>2 helai</i>
<i>Jurnal</i>	<i>2 helai</i>
<i>Lejar</i>	<i>5 helai</i>
5. *Markah yang diperuntukkan bagi setiap soalan atau ceraian soalan ditunjukkan dalam kurungan.*
6. *Sekiranya anda hendak menukar jawapan, batalkan dengan kemas jawapan yang telah dibuat. Kemudian tulis jawapan yang baru.*
7. *Kekemasan dan ketepatan akan dipertimbangkan dalam pemberian markah.*
8. *Tunjukkan kerja mengira. Ini membantu anda mendapat markah.*
9. *Mulakan jawapan bagi setiap soalan pada helaian yang baru.*
10. *Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik yang tidak boleh diprogram.*
11. *Semua kertas jawapan anda hendaklah diserahkan pada akhir peperiksaan.*

Kertas soalan ini mengandungi 19 halaman bercetak dan 1 halaman tidak bercetak.

Bahagian A*[68 markah]**Jawab semua soalan.*

- 1 Puan Serina ialah pemilik Segar Seri Trading yang menjalankan perniagaan membekalkan produk kesihatan dan penjagaan diri di Tanjung Malim, Perak. Berikut ialah baki-baki yang diambil daripada buku perniagaannya pada 1 Mei 2009:

	RM
Tunai di tangan	1 200
Overdraft bank	2 800
Stok	17 600
Lekapan & Lengkapan	5 000
Modal	19 600

Sepanjang bulan Mei 2009, urus niaga Segar Seri Trading ditunjukkan oleh dokumen-dokumen perniagaan seperti dalam **Lampiran A**.

- (a) Sediakan catatan dalam buku-buku catatan pertama yang sesuai.
(Jurnal Penerimaan Tunai dan Jurnal Pembayaran Tunai tidak diterima)

[10 markah]

- (b) Pindahkan catatan daripada buku-buku catatan pertama ke lejar.

[10 ½ markah]

- (c) Imbangkan akaun dan sediakan Imbangan Duga pada 31 Mei 2009.

[7 ½ markah]

- 2 Puan Izni ialah seorang peniaga yang tidak menyimpan rekod-rekod perakaunannya mengikut sistem catatan bergu. Berikut ialah ringkasan Buku Tunai dan maklumat yang diperoleh daripada Perniagaan Izzy bagi tahun berakhir 31 Disember 2008.

Buku Tunai

Butir	Dis	Tunai	Bank	Butir	Tunai	Bank
	RM	RM	RM		RM	RM
Baki 1 Jan 2008		760	-	Baki 1 Jan 2008	-	2 500
Jualan		1 700	5 800	Gaji	1 000	11 000
Penghutang	180	3 850	41 700	Kadar bayaran	200	1 000
				Belian	2 200	10 800
				Sewa	-	460
				Lengkapan	-	4 600
				Baki 31 Dis 2008	2 910	17 140

Berikut ialah aset dan liabiliti bagi Perniagaan Izzy:

	1 Januari 2008	31 Disember 2008
	RM	RM
Kenderaan	30 000	30 000
Lengkapan	5 400	8 000
Penghutang	6 750	7 600
Sewa Terakru	-	140
Stok	11 500	12 800

Maklumat Tambahan:

- (i) Seorang pelanggan telah memulangkan barang rosak yang berkos RM320.
- (ii) Mewujudkan peruntukan hutang ragu sebanyak 5 % atas baki penghutang.

Anda dikehendaki menyediakan:

- (a) Penyata Pendapatan Perniagaan Izzy bagi tahun berakhir 31 Disember 2008.
[13 markah]
- (b) Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2008 dengan menunjukkan modal kerja.
[6 markah]

- 3 Naim, Khairul dan Halim ialah pekongsi dalam sebuah perniagaan perkongsian yang membahagikan untung atau rugi sama rata. Pada 30 Jun 2009, mereka bersetuju untuk membubarkan perkongsian itu.

Aset dan liabiliti perkongsian pada tarikh pembubaran adalah seperti di bawah:

	RM
Stok	6 355
Lengkapan	3 145
Bank	1 000
Modal : Naim	3 500
Khairul	3 500
Halim	3 500

Berikut ialah perkara-perkara yang berlaku semasa proses pembubaran:

- (i) Stok dan lengkapan diambilalih oleh Naim pada nilai RM7 600.
- (ii) Satu liabiliti iaitu kadar bayaran terakru bernilai RM620 telah dijumpai dan telah dibayar.
- (iii) Belanja realisasi adalah sebanyak RM300.
- (iv) Semua urus niaga pembayaran dan penerimaan dibuat melalui bank.

Anda dikehendaki menyediakan:

- | | |
|--|------------|
| (a) Akaun Realisasi | [5 markah] |
| (b) Akaun Modal Naim dan Akaun Modal Khairul | [3 markah] |
| (c) Akaun Bank | [5 markah] |

- 4 Urus niaga pembelian dan penjualan mesin Perniagaan Wawasan Cemerlang adalah seperti berikut:

1 Januari 2007	Membeli sebuah mesin berkos RM30 000 dengan cek.
31 Disember 2008	Mesin yang dibeli pada 1 Januari 2007 dijual dengan harga RM21 000. Cek telah diterima.

Maklumat tambahan:

- (i) Tahun kewangan Perniagaan Wawasan Cemerlang berakhir pada 31 Disember setiap tahun.
- (ii) Mesin disusutnilaikan dengan kadar 20 % setahun mengikut kaedah baki berkurangan.

Anda dikehendaki:

- (a) Menyediakan untuk tahun 2008:

- (i) Akaun Mesin [1 markah]
- (ii) Akaun Peruntukan Susut Nilai Mesin [2 ½ markah]
- (iii) Akaun Pelupusan Mesin [2 ½ markah]

- (b) Menyatakan dua sebab mengapa aset bukan semasa mengalami susut nilai.

[2 markah]

Bahagian B*[12 markah]**Jawab satu soalan sahaja.*

- 5 Perniagaan Lantera Kaya telah menerima Penyata Bank bagi bulan Mei 2009 yang menunjukkan baki yang berbeza dengan Buku Tunai. Berikut ialah Buku Tunai dan Penyata Banknya untuk bulan tersebut.

Bank Maya Malaysia Berhad,
No 1A, Jalan Cengkih,
32000 Sitiawan

Perniagaan Lantera Kaya,
Lot 22, Jalan Mewah,
32000 Sitiawan

Tarikh : 31 Mei 2009
No akaun : CA 006-234598765

Penyata Bank

		No. Cek	Wang keluar (RM)	Wang Masuk (RM)	Baki (RM)
2009					
Mei 1	Baki				8 800
5	Cek	250292	820		7 980
9	Deposit			3 450	11 430
14	Deposit			980	12 410
18	Deposit			500	12 910
24	Cek	250296	700		12 210
24	Cek	250291	1 250		10 960
25	Cek	250294	634		10 326
26	Dividen (Syarikat Muiz Bhd)			650	10 976
28	Insurans		1 300		9 676
29	Cek	250297	2 520		7 156
30	Deposit			470	7 626
30	Buku Cek		50		7 576

Buku Tunai (ruangan bank sahaja)

Tarikh 2009	Butir	RM	Tarikh 2009	Butir	No cek	RM
Mei 1	Baki b/b	6 730	Mei 7	Kalis Trading	250293	760
7	Jualan	3 450	15	Zin Enterprise	250294	634
10	Jualan	3 540	19	Belian	250295	2 300
12	Shahrul Faiz	890	23	Perniagaan Gong	250296	700
16	Syarikat Foo Han	500	28	Soon Holding	250297	2 520
24	Sze Woey & Co	660	29	Perabot	250298	1 200
29	Perniagaan Anis	470	31	Baki h/b		8 126
		<u>16 240</u>				<u>16 240</u>

Maklumat Tambahan :

- (i) Urus niaga bertarikh 12 Mei 2009 dikenal pasti berlaku kesilapan catatan dalam Buku Tunai.
- (ii) Cek yang diterima pada 24 Mei 2009 dipulangkan oleh bank dengan tanda "Rujuk Penyuruh Bayar".

Anda dikehendaki:

- (a) Menyediakan Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mei 2009 (tanpa mengemaskini Buku Tunai). [11 markah]
- (b) Nyatakan satu kepentingan sistem kawalan tunai perniagaan. [1 markah]

TAMAT KAJIAGOZ SAWIHKH

- 6 Encik Irwan bercadang untuk membuka kilang membuat biskut. Dapatan daripada kajian yang telah beliau jalankan adalah seperti berikut:

	RM
Sewa tahunan kilang	12 000
Insurans kilang	6 000
Gaji pengurusan kilang	24 000
Kos bahan mentah untuk pengeluaran 1000 tin biskut	3 000
Harga jualan 1 tin biskut	6

Kos tetap dan kos berubah dianggap malar sepanjang tahun itu

Anda dikehendaki:

- (a) Menghitung:
- (i) jumlah kos tetap [1 markah]
 - (ii) kos berubah satu tin biskut [1 markah]
 - (iii) margin caruman satu tin biskut [1 markah]
 - (iv) titik pulang modal (dalam unit) [1 $\frac{1}{2}$ markah]
 - (v) untung atau rugi jika pengeluaran ialah 10 000 tin biskut [2 markah]
- (b) Untuk meningkatkan jualan, Encik Irwan memperuntukkan RM600 sebagai belanja promosi. Hitungkan titik pulang modal yang baru. [2 markah]
- (c) Berapa tin biskut yang perlu dikeluarkan jika Encik Irwan ingin mencapai keuntungan RM18 000? [1 $\frac{1}{2}$ markah]
- (d) Berikan maksud kos tetap dan kos berubah. [2 markah]

KERTAS SOALAN TAMAT

LAMPIRAN A

DOKUMEN PERNIAGAAN
stabil Mosil, 25 Februari 2022
Teks
00000000-20-20T

DOKUMEN PERNIAGAAN

(dokumen dalam bentuk elektronik dan bersifat sah)

Buat: 21/02/2022, Jam: 04:00:00
Nombor dokumen: A-
Format: PDF
Kod: X-X-X-X

Kelulusan:
Dokumen ini
berlaku pada:

Perihal ini
berlaku

1. KEMBALIAN

SALINAN

No: 2116

INVOIS

SEGAR SERI TRADING
 No. 5 & 6, Jalan Mutiara
 35900 Tanjung Malim
 Perak
 Tel: 05-4596900

Tarikh: 2 Mei 2009

Kepada:
 Ezorin Enterprise Sdn Bhd
 No. 12, Jalan Masjid
 31950 Kampar
 Perak

BIL.	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	Vitamin C 500	20 botol	80.00	1 600.00
2	Calcium Plus	10 botol	90.00	900.00
				2 500.00
		Tolak: Diskaun niaga 10 %		250.00
			JUMLAH	2 250.00

(Ringgit Malaysia: Dua ribu dua ratus lima puluh sahaja)

Syarat : 5 % 10 hari, 2 % 15 hari
 Serahan : Angkutan dibayar
 K. & K. di K

Azira Ezorin
 Penerima

Serina
 Pengurus

DOKUMEN 1

ASAL

No: 1900

INVOIS

Syarikat ANC
 No.1, Kompleks Warisan
 Jalan Muzium
 11700 Pulau Pinang
 Tel: 04-6584488

Tarikh: 4 Mei 2009

Kepada:
 Segar Seri Trading
 No. 5 & 6, Jalan Mutiara
 35900 Tanjung Malim
 Perak

BIL.	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	Spirulina Chewable	24 botol	80.00	1 920.00
2	IG Rich Colostrum	12 botol	100.00	1 200.00
				3 120.00
Tolak: Diskaun niaga 25 %				780.00
				JUMLAH 2 340.00

(Ringgit Malaysia: Dua ribu tiga ratus empat puluh sahaja)

Syarat : 10 % 10 hari, 5 % 15 hari
Serahan : Angkutan dibayar
K. & K. di K

Serina
 Penerima

Anne
 Pengurus

DOKUMEN 2

BANK TEGUH (M) BHD

No. 1 & 2, Jalan Cahaya
35900 Tanjung Malim

Tarikh: 5 Mei 2009

MAKLUMAN DEBIT

Kepada: No: Akaun

Segar Seri Trading 008047206899
No. 5 & 6, Jalan Mutiara
35900 Tanjung Malim

Akaun anda telah diDEBITkan seperti berikut:

BUTIR	Arahan Tetap:	Bayaran insurans kepada Berjaya Insurans Sdn Bhd	JUMLAH
		Ringgit: Lapan ratus lima puluh sahaja	RM850.00

Sirin
Pengurus

DOKUMEN 3**MEMO****SEGAR SERI TRADING**

No. 5 & 6, Jalan Mutiara
35900 Tanjung Malim
Perak

Tarikh: 7 Mei 2009

Peringatan:

Pemilik mengambil 2 botol IG Rich Colostrum berkos RM75 sebotol untuk dihadiahkan kepada ibu bapanya.

Sirin
Pengurus

DOKUMEN 4

ASAL

No: CN0009

NOTA KREDIT

SYARIKAT ANC
 No.1, Kompleks Warisan
 Jalan Muzium
 11700 Pulau Pinang
 Tel: 04-6584488

Kepada
 Segar Seri Trading
 No. 5 & 6, Jalan Mutiara
 35900 Tanjung Malim
 Perak

Tarikh: 10 Mei 2009

Akaun tuan telah dikreditkan dengan perkara berikut:

BIL.	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	Spirulina Chewable (Barang dipulangkan kerana luput tarikh)	4 botol	80.00	320.00
Tolak: Diskaun niaga 25 %			80.00	
			JUMLAH	240.00

(Ringgit Malaysia: Dua ratus empat puluh sahaja)

Anne
Pengurus

DOKUMEN 5

INVOIS

SEGAR SERI TRADING

No. 5 & 6, Jalan Mutiara
 35900 Tanjung Malim
 Perak
 Tel: 05-4596900

Tarikh: 13 Mei 2009

Kepada:

Green Trading Sdn Bhd
 Lot 8, Jalan Besar
 34000 Taiping
 Perak

BIL.	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	Spirulina Chewable	8 botol	100.00	800.00
2	IG Rich Colostrum	10 botol	120.00	1200.00
				2 000.00
Tolak: Diskaun niaga 15 %				300.00
				1 700.00

(Ringgit Malaysia: Seribu tujuh ratus sahaja)

Syarat : 5 % 10 hari, 2 % 15 hari
Serahan : Angkutan dibayar
K. & K. di K

Azira Ezarin
 Penerima

Seriina
 Pengurus

DOKUMEN 6

SALINAN

No: 1214

BIL TUNAI

SEGAR SERI TRADING
 No. 5 & 6, Jalan Mutiara
 35900 Tanjung Malim
 Perak
 Tel: 05-4596900

Kepada
 Perniagaan Jeeva Sdn Bhd
 4, Jalan 2/213B, Batu 7
 Jalan Kelang Lama
 58000 Kuala Lumpur

Tarikh: 18 Mei 2009

BIL.	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	Spirulina Chewable	8	80.00	640.00
		JUMLAH		640.00

(Ringgit Malaysia: Enam ratus empat puluh sahaja)
 Tunai / No.Cek :

Serina
 Pengurus

DOKUMEN 7

ASAL

RESIT RASMI

No: 0242

SYARIKAT ANC
 No.1, Kompleks Warisan
 Jalan Muzium
 11700 Pulau Pinang
 Tel: 04-6584488

Tarikh: 20 Mei 2009

Diterima daripada : Segar Seri Trading

Ringgit Malaysia : Lima ratus sahaja

Bayaran untuk : Menjelaskan sebahagian daripada hutang.

RM500.00

Tunai / No. Cek : BTB 034420

Anas
 Pengurus
DOKUMEN 8

SALINAN

RESIT RASMI

No: 1098

SEGAR SERI TRADING
 No. 5 & 6, Jalan Mutiara
 35900 Tanjung Malim
 Perak
 Tel: 05-4596900

Tarikh: 21 Mei 2009

Diterima daripada : Green Trading Sdn Bhd

Ringgit Malaysia : Seribu enam ratus lima belas sahaja

Diskaun tunai RM85

Bayaran untuk : Menjelaskan invois No. 2117

RM1 615.00

Tunai / No. Cek : MBM 242001

Serina
 Pengurus
DOKUMEN 9

3756/2

 [Lihat sebelah
 ST 1 IT

tanyy1234

ASAL

No: 2882

BIL TUNAI**PUSAT ELEKTRIK LIM**

3A, Jalan Saujana

30630 Ipoh

Perak

Tel: 05-5652233

Kepada
 Segar Seri Trading
 No. 5 & 6, Jalan Mutiara
 35900 Tanjung Malim
 Perak

Tarikh: 25 Mei 2009

BIL.	BUTIR	KUANTITI	HARGA SEUNIT (RM)	JUMLAH (RM)
1	Alat penyaman udara	1 unit	800.00	800.00
JUMLAH				800.00

(Ringgit Malaysia: Lapan ratus sahaja)

Tunai / No.Cek :

Lim
 Pengurus
DOKUMEN 10

No: 0210

BAUCAR PEMBAYARAN**SEGAR SERI TRADING**

No. 5 & 6, Jalan Mutiara
 35900 Tanjung Malim
 Perak
 Tel: 05-4596900

Tarikh: 28 Mei 2009

Kepada:
 Tenaga Nasional Bhd
 Tanjung Malim
 Perak

BIL.	KETERANGAN	JUMLAH (RM)
1	Menjelaskan bil elektrik bulan Mei 2009	140.00

(Ringgit Malaysia: Seratus empat puluh sahaja)

Tunai/No.Cek:

Diluluskan oleh:

Serina
 Pengurus

DOKUMEN 11

Tarikh : 30 Mei 2009
Penerima : Cik Nur Syahirah Ishak
Kerana : Bayaran gaji bulan Mei

	Ringgit	Sen
Baki akhir	(2 535)	00
Dimasukkan	-	-
Jumlah	(2 535)	00
Cek ini	450	00
Baki	(2 985)	00

No.: 034421

KERATAN CEK

DOKUMEN 12

PEPERIKSAAN PERCUBAAN SPM 2009
PRINSIP PERAKAUNAN
SKEMA KERTAS 1

1	A	11	B	21	B	31	C
2	C	12	D	22	A	32	B
3	A	13	D	23	D	33	A
4	B	14	C	24	B	34	C
5	D	15	D	25	A	35	B
6	B	16	D	26	C	36	D
7	A	17	C	27	D	37	C
8	B	18	A	28	C	38	B
9	D	19	A	29	A	39	C
10	B	20	C	30	A	40	D

SKEMA KERTAS 2

BAHAGIAN A

Soalan 1

a)

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Debit	Kredit
		RM	RM
2009			
Mei 1	Tunai	1 200	
	Stok	17 600	
	Lekapan & Lengkapan	5 000	
	Bank		2 800
	Modal		21 000
	(Aset, liabiliti dan ekuiti pemilik pada tarikh ini)	23 800	23 800
Mei 7	Ambilan	150	(1/2)
	Belian		150 (1/2)
	(Pemilik mengambil barang niaga untuk dihadiahkan kepada ibu bapanya)	(1/2)	

Jurnal Belian

Tarikh	Butir	Jumlah	
		RM	
2009			
Mei 4	Syarikat ANC	2 340	(1/2)
31	Akaun Belian	2 340	(1/2)

Jurnal Jualan

Tarikh	Butir	Jumlah	
		RM	
2009			
Mei 2	Ezorin Enterprise	2 250	(1/2)
13	Green Trading Sdn Bhd	1 700	(1/2)
31	Akaun Jualan	3 950	(1/2)

Jurnal Pulangan Belian

Tarikh	Butir	Jumlah	
		RM	
2009			
Mei 10	Syarikat ANC	240	(1/2)
31	Akaun Pulangan Belian	240	(1/2)

(5 markah)

Buku Tunai

Tarikh	Butir	Dis	Tunai	Bank	Tarikh	Butir	Dis	Tunai	Bank
		RM	RM	RM			RM	RM	RM
2009					2009				
Mei 1	Baki b/b		1 200 (1/2)		Mei 1	Baki b/b			2 800 (1/2)
18	Jualan		640 (1/2)		5	Insurans			850 (1/2)
21	Green Trading S/B	85 (1/2)		1 615 (1/2)	20	Syarikat ANC			500 (1/2)
31	Baki h/b			2 985	25	Lekapan & Lengkapan		800 (1/2)	
					28	Kadar bayaran		140 (1/2)	
					30	Gaji			450 (1/2)
					31	Baki h/b		900	
		85	1 840	4 600				1 840	4 600
Jun 1	Baki b/b		900		Jun 1	Baki b/b			2 985

(5 markah)

(b)

Akaun Stok

2009		RM		2009		RM	
Mei 1	Baki b/b	17 600	(1/2)				

Akaun Lekapan & Lengkapan

2009		RM		2009		RM	
Mei 1	Baki b/b	5 000	(1/2)	Mei 31	Baki h/b	5 800	
25	Tunai	800	(1/2)				
		5 800				5 800	
Jun 1	Baki b/b	5 800					

Akaun Modal

2009		RM		2009		RM	
				Mei 1	Baki b/b	21 000	(1/2)

Akaun Ambilan

2009		RM		2009		RM	
Mei 7	Belian	150	(1/2)				

Syarikat ANC

2009		RM	2009		RM	
Mei 10	Pulangan belian	240	(1/2)	Mei 4	Belian	2 340
20	Bank	500	(1/2)			(1/2)
31	Baki h/b	1 600				
		2 340			2 340	
				Jun 1	Baki b/b	1 600

Akaun Belian

2009		RM	2009		RM	
Mei 31	Pelbagai pembiutang	2 340	(1/2)	Mei 7	Ambilan	150
				31	Baki h/b	2 190
		2 340				2 340
Jun 1	Baki b/b	2 190				

Ezorin Enterprise

2009		RM	2009		RM	
Mei 2	Jualan	2 250	(1/2)			

Green Trading Sdn Bhd

2009		RM	2009		RM	
Mei 13	Jualan	1 700	(1/2)	Mei 21	Bank	1 615
					Diskaun	(1/2)
		1 700				85
						1 700

Akaun Jualan

2009		RM	2009		RM	
Mei 31	Baki h/b	4 590		Mei 31	Pelbagai penghutang	* 3 950
				18	Tunai	(1/2)
		4 590				640
						4 590
				Jun 1	Baki b/b	4 590

Akaun Pulangan Belian

2009		RM	2009		RM	
			Mei 31	Pelbagai pembiutang	240	(1/2)

Akaun Insurans

2009		RM		2009		RM	
Mei 5	Bank	850	(1/2)				

Akaun Kadar Bayaran

2009		RM		2009		RM	
Mei 28	Tunai	140	(1/2)				

Akaun Gaji

2009		RM		2009		RM	
Mei 30	Baki	450	(1/2)				

Akaun Diskaun

2009		RM		2009		RM	
Mei 31	Pelbagai penghutang	85	(1/2)				

(10 ½ markah)

c)

Segar Seri Trading
Imbangan Duga pada 31 Mei 2009

Butir	Debit	Kredit	
	RM	RM	
Tunai	* 900	(1/2)	
Stok	17 600	(1/2)	
Lengkapan	* 5 800	(1/2)	
Ambilan	150	(1/2)	
Belian	* 2 190	(1/2)	
Ezorin Enterprise	2 250	(1/2)	
Insurans	850	(1/2)	
Kadar bayaran	140	(1/2)	
Gaji	450	(1/2)	
Diskaun	85	(1/2)	
Bank			* 2 985 (1/2)
Modal			21 000 (1/2)
Syarikat ANC			* 1 600 (1/2)
Jualan			* 4 590 (1/2)
Pulangan belian			240 (1/2)
	30 415		30 415

(7 ½ markah)

NOTA: * Terima angka sendiri

2 (a)

Perniagaan Izzy
Penyata Pendapatan bagi tahun berakhir 31 Disember 2008

	RM	RM
Jualan	54 400	*(3+1m)
Tolak: Pulangan jualan/masuk	<u>320</u>	
Jualan bersih		54 080 (1) OF
Tolak: Kos jualan:		
Stok awal	11 500	
Belian	<u>13 000</u>	
Kos barang untuk dijual	24 500	
Tolak: Stok akhir	<u>12 800</u>	
Kos Jualan		11 700 (1+1m)
Untung kasar		<u>42 380</u> (1m)
Tolak: Belanja:		
Gaji	12 000	
Kadar bayaran	1 200	
Sewa	600 (1m)	
Susut nilai lengkapan	2 000 (1m)	
Diskaun diberi	180	
Peruntukan hutang rugu	<u>380</u> (1m)	<u>16 360</u>
Untung bersih		<u>26 020</u> (1+1m)
		[13 markah]

* 3 markah (Akaun Kawalan), 1 markah (jalan kerja jumlah jualan)

(b)

Perniagaan Izzy
Kunci Kira-kira pada 31 Disember 2008

Aset Bukan Semasa	RM	RM	RM
Kenderaan			30 000
Kelengkapan			<u>8 000</u>
			38 000
Aset Semasa			
Stok akhir		12 800 (1)	
Penghutang	7 600		
(-) Peruntukan hutang rugu	<u>380</u>	7 220 (1) OF	
Bank		17 140	
Tunai		2 910	
		<u>40 070</u>	
Tolak Liabiliti Semasa			
Sewa terakru		<u>140</u> (1)	
Modal kerja			<u>39 930</u> (1)
			<u>77 930</u>
Dibiayai oleh:			
Ekuiti Pemilik			
Modal		51 910 (1) OF	
Tambah: Untung bersih		<u>26 020</u> (1) OF	
Modal akhir			<u>77 930</u>

[6 markah]

Jalan kerja:

(i) Akaun Kawalan Penghutang		
	RM	RM
2008		2008
Jan 1 Baki b/b	6 750	Dis31 Tunai 3 850
Jualan 46 900 (1)		Bank 41 700
		Pulangan jualan 320 (1)
		Diskaun diberi 180 (1)
		Baki h/b 7 600
	<u>53 650</u>	<u>53 650</u>
2009		
Jan 1 Baki b/b	7 600	

*Jumlah Jualan:

$$\begin{aligned}
 & \text{Jualan kredit + Jualan Tunai} \\
 & \text{RM} 46\,900 + (\text{RM} 1\,700 + \text{RM} 5\,800) \\
 & = 46\,900 + 7\,500 \\
 & = \text{RM} 54\,400
 \end{aligned}$$

(ii)	RM
Sewa	460
+ Sewa terakru	140
Jumlah Sewa	<u>600</u> (1m)

(iii)	RM
Lengkapan pada 1 Jan 2008	5 400
+ Belian lengkapan	4 600
	<u>10 000</u>
- Nilai lengkapan 31 Dis 2008	8 000
Susut nilai lengkapan	<u>2 000</u> (1m)

(iv) Penyata Mengira Modal pada 1 Januari 2008		
Aset	RM	RM
*Tunai	760	
Kenderaan	30 000	
Lengkapan	5 400	
Penghutang	6 750	
Stok	<u>11 500</u>	54 410
Tolak Liabiliti:		
*Overdraf bank		2 500
Modal pada 1 Januari 2008		<u>51 910</u>

* Angka tunai dan overdraf bank diambil daripada baki awal Buku Tunai

Nota: Semua markah OF mesti disokong oleh jalan kerja
OF – "Own Figure"

3 (a)

Akaun Realisasi			
2009	RM	2009	RM
Jun 30 Stok	6 355	Jun 30 Modal Naim	7 600 (1)
Lengkapan	3 145	Rugi realisasi:	
Kadar bayaran	620 (1)	Modal Naim	940
Belanja realisasi/	300 (1)	Modal Khairul	940 } * (1) + (1) OF
Realisasi		Modal Halim	940
	<u>10 420</u>		<u>10 420</u>

[5 markah]

Jalan kerja:

$$\text{Rugi realisasi} = \underline{\text{RM}10\,420 - \text{RM}7\,600} \\ = \underline{\text{RM}940}$$

* markah (1) OF untuk operasi, mesti disokong oleh jalan kerja
markah (1) untuk butiran rugi realisasi

3 (b)

Akaun Modal Naim			
2009	RM	2009	RM
Jun 30 Realisasi	7 600 (1)	Jun 30 Baki b/b	3 500
Rugi realisasi/	940	Bank	5 040 (1)
Realisasi			
	<u>8 540</u>		<u>8 540</u>

Akaun Modal Khairul			
2009	RM	2009	RM
Jun 30 Rugi realisasi/	940	Jun 30 Baki b/b	3 500
Realisasi			
Bank	2 560 (1)		
	<u>3 500</u>		<u>3 500</u>

[3 markah]

3 (c)

Akaun Bank			
2009	RM	2009	RM
Jun 30 Baki b/b	1 000	Jun 30 Kadar bayaran terakru	620 (1)
Modal Naim	5 040 (1)	Belanja realisasi/	300 (1)
		Realisasi	
		Modal Khairul	2 560 (1) OF
		Modal Halim	2 560 (1) OF
	<u>6 040</u>		<u>6 040</u>

[5 markah]

Nota: Abaikan jawapan Akaun Modal Halim kerana tidak dikehendaki oleh soalan.

4 (a)

(i)		Akaun Mesin	
2008	RM	2008	RM
Jan 1 Baki b/b	<u>30 000</u> (½)	Dis 31 Pelupusan mesin	<u>30 000</u> (½)

[1 markah]

(ii)

Akaun Peruntukan Susut Nilai Mesin			
2008	RM	2008	RM
Dis 31 Pelupusan mesin	10 800 (½)	Jan 1 Baki b/b	6 000 (1)
	<u>10 800</u>	Belanja susut nilai mesin/ Akaun Untung rugi	4 800 (1)
			<u>10 800</u>

[2 ½ markah]

(iii)

Akaun Pelupusan Mesin			
2008	RM	2008	RM
Dis 31 Mesin	30 000 (½)	Dis 31 Peruntukan susut nilai mesin	10 800 (½)
Untung pelupusan mesin	1 800 (1)	Bank	21 000 (½)
	<u>31 800</u>		<u>31 800</u>

[2 ½ markah]

- (b) (i) Kemerosotan fizikal
 (ii) Keusangan
 (iii) Kesusutan
 (iv) Faktor masa

[2 markah]

*Pilih mana-mana dua dan terima jawapan yang munasabah

5 (a)

Perniagaan Lantera Kaya		
Penyata Penyesuaian Bank pada 31 Mei 2009		
	RM	RM
Baki debit di Buku Tunai (½)		8 126 (½)
Tambah Cek belum dikemukakan :		
Kalis Trading	760 (1)	
Belian	2 300 (1)	
Perabot	1 200 (1)	
Dividen (Syarikat Muiz Berhad)	650 (1)	
Shahrul Faiz (kesilapan)	90 (1)	
		<u>5 000</u>
		13 126
Tolak Deposit belum dikreditkan :		
Jualan	3 540 (1)	
Insurans	1 300 (1)	
Buku Cek	50 (1)	
Sze Woey & Co (Cek tak laku)	660 (1)	
		<u>5 550</u>
Baki kredit di Penyata Bank (½)		<u>7 576</u> (½)
		[11 markah]

(b)

- (i) Mengawal segala perekodan dan pengendalian tunai bagi memastikan tidak berlaku kecurian dan kehilangan.
- (ii) Memastikan tidak ada pihak yang dapat mengambil kesempatan untuk menyalahgunakan tunai perniagaan.
- (iii) Memastikan perniagaan mempunyai tunai yang mencukupi untuk membayar perbelanjaan harian dan mampu menjelaskan semua liabiliti perniagaan.
- (iv) Memastikan peniaga tidak menyimpan terlalu banyak tunai di tangan kerana lebihan tunai dapat dilaburkan untuk mendapatkan hasil.

[2 markah]

Nota: Pilih mana-mana dua jawapan

6 (a)

(i) Jumlah kos tetap
 $= \text{RM} (12\ 000 + 6\ 000 + 24\ 000) \quad (\frac{1}{2})$
 $= \text{RM} 42\ 000 \quad (\frac{1}{2})$

(ii) Kos berubah satu tin biskut
 $= \frac{\text{RM}3\ 000}{1\ 000} \quad (\frac{1}{2})$
 $= \text{RM}3 \quad (\frac{1}{2})$

(iii) Margin caruman seunit
 $= \text{Harga jualan} - \text{kos berubah} \quad (\frac{1}{2})$
 $= \text{RM}6 - \text{RM}3 \quad (\frac{1}{2})$
 $= \text{RM}3 \quad (\frac{1}{2})$

(iv) Titik pulang modal
 $= \frac{\text{Kos tetap}}{\text{Margin caruman seunit}} \quad (\frac{1}{2})$
 $= \frac{\text{RM}42\ 000}{\text{RM}(6-3)} \quad (\frac{1}{2})$
 $= 14\ 000 \text{ tin} \quad (\frac{1}{2})$

(v) Untung atau rugi bagi pengeluaran 10 000 unit
 $= \text{Jumlah hasil} - \text{Jumlah kos} \quad (\frac{1}{2})$
 $= (\text{RM}6 \times 10\ 000) - [\text{RM}42\ 000 + (\text{RM}3 \times 10\ 000)] \quad (\frac{1}{2})$
 $= \text{RM}60\ 000 - \text{RM}72\ 000 \quad (\frac{1}{2})$
 $= (\text{RM}12\ 000) \text{ Rugi} \quad (\frac{1}{2})$

(b) Titik pulang modal = $\frac{\text{Kos tetap} + \text{Belanja promosi}}{\text{Margin caruman seunit}} \quad (\frac{1}{2})$
 $= \frac{\text{RM}(42\ 000 + 600)}{\text{RM}(6-3)} \quad (\frac{1}{2})$
 $= 14\ 200 \text{ tin} \quad (\frac{1}{2})$

(c) Unit keluaran untuk mencapai untung sasaran RM18 000
 $= \frac{\text{Kos tetap} + \text{untung sasaran}}{\text{Margin caruman seunit}} \quad (\frac{1}{2})$
 $= \frac{\text{RM}(42\ 000 + 18\ 000)}{\text{RM}3} \quad (\frac{1}{2})$
 $= 20\ 000 \text{ tin} \quad (\frac{1}{2})$

- (d) Kos tetap ialah kos yang malar atau tidak berubah bagi satu tempoh tertentu walaupun berlaku perubahan (pengurangan / pertambahan) dalam tingkat keluaran. (1)
 Kos berubah ialah semua jenis belanja yang berkadar terus dengan perubahan dalam tingkat keluaran. (1)